

PERANAN KOMUNIKASI DALAM HUBUNGAN KEKELUARGAAN

Asiah Bt Ali, ¹Irkhaniza Bt Md Rahim, ²Mohamed Sharif Bin Mustaffa

Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia
82310 Skudai, Johor.

asiahali@yahoo.com, ¹binz_wish2008@yahoo.com.my, ²mohamed_sharifutm@yahoo.com

ABSTRAK

Berkomunikasi merupakan proses bagaimana seseorang individu berkongsi pengalaman dan berhubung dengan individu lain. Setiap individu mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang tersendiri. Apabila seseorang itu menyampaikan pengalaman dan pengetahuan mereka kepada orang lain, maka itu dinamakan komunikasi. Komunikasi dalam keluarga ini merupakan proses individu bertukar-tukar pengalaman dan pengetahuan kepada individu yang sering mereka berhubung. Secara keseluruhannya, kertas kerja ini akan membincangkan peranan komunikasi dalam hubungan kekeluargaan dari sudut komunikasi yang positif untuk menyampaikan sesuatu maksud. Penulisan ini cuba menjelaskan kepentingan komunikasi dalam pembentukan sebuah keluarga yang bahagia berdasarkan kepada situasi masyarakat kini yang sedang mengalami perubahan-perubahan besar akibat proses permodenan dan pembangunan ekonomi. Oleh yang demikian, institusi kekeluargaan akan lebih kukuh seandainya suami, isteri ibu bapa dan anak-anak pandai berkomunikasi sehingga menyebabkan keseluruhan ahli keluarga merasakan dirinya dicintai, dikasihi, dihargai dan dimuliakan.

PENGENALAN

Manusia berkomunikasi kerana ada beberapa tujuan yang hendak dicapai. Tujuan pertama individu berkomunikasi dengan manusia lain adalah kerana individu tersebut hendak memahami orang lain. Kita hendak mengenali siapa mereka, siapa diri mereka, apa yang mereka fikirkan, apa yang mereka rasakan dan macam-macam lagi maklumat berkenaan dirinya. Menurut Smith (1966), komunikasi manusia adalah satu rangkaian proses yg halus yg digunakan manusia untuk berinteraksi, mengawal antara satu sama lain dan memperoleh kefahaman.

Manusia juga berkomunikasi kerana hendak memahami segala kejadian dan peristiwa yang berlaku di sekelilingnya. Sebahagian daripada peristiwa itu berlaku ke atas diri mereka sendiri, manakala sebahagian lagi berlaku ke atas orang lain. Dengan berkomunikasi, diharapkan mereka akan lebih memahami alam sekeliling dan kehidupan ini (Abdullah Hassan, 2004). Dalam komunikasi rumah tangga, ada kalanya suami isteri berkomunikasi tentang alam dan kehidupan dunia di luar rumah tangga mereka. Mereka berkomunikasi tentang peristiwa politik, perniagaan, kemasyarakatan, falsafah, keilmuan dan lain-lain lagi. Walaupun mereka berkomunikasi berkenaan dunia luar, tetapi aktiviti itu membawa rasa kepuasan yang mendalam antara mereka.

Untuk menikmati kepuasan komunikasi peringkat ini adalah sangat penting supaya daya intelek suami dan isteri sama tinggi. Hal ini sejajar dengan pendapat Kathleen S Venderber & Rudolf F Verdeber (1977) yang menyatakan komunikasi adalah satu proses berkongsi makna melalui pengiriman dan penerimaan mesej secara sengaja dan tidak sengaja. Komunikasi merupakan satu proses penyampaian maklumat dari satu pihak (penyampai) kepada satu pihak yang lain (penerima). Melalui definisi ini pemahaman untuk berkomunikasi adalah sangat penting dalam hubungan kekeluargaan untuk sama-sama memahami dengan sebaik-baik sesuatu isu supaya boleh mendatangkan kegembiraan. Ramai pasangan sama ada bagi pihak isteri atau suami tidak mengambil langkah pembangunan diri bagi meningkatkan daya inteleknya supaya membolehkan mereka berkomunikasi dengan suaminya atau isteri pada tahap tinggi.

Komunikasi adalah bentuk interaksi secara lisan atau bukan lisan di antara suami dan isteri. Ini termasuk pernyataan sikap, nilai, minat, kepercayaan, perasaan dan pemikiran dalam

kehidupan seharian. Selama tiga dekad kebelakangan ini ramai ahli psikologi dan terapi keluarga telah mengkaji pola komunikasi pasangan yang berkahwin (Fincham dan Bradbury, 1990). Kebanyakan dapatan kajian mendapati terdapat perbezaan dari segi komunikasi di antara pasangan yang mengalami tekanan dan pasangan yang tidak mengalami tekanan. Pasangan yang bahagia menghabiskan masa untuk berkomunikasi (Kirchler 1988), mudah melahirkan perasaan positif dan negatif dengan cara yang mudah difahami berbanding pasangan yang tidak bahagia (Vanzetti, Notarius dan Neesmith, 1992). Kajian tempatan juga banyak mengkaji hubungan di antara kebahagiaan dan kepuasan perkahwinan dengan komunikasi. Kebanyakan kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara kebahagiaan perkahwinan dengan komunikasi seperti kajian Chin (2001) di kalangan 61 pasangan dwi kerjaya di Kota Kinabalu Sabah, kajian oleh Loh (1999) di kalangan 60 pasangan suami isteri di Alor setar Kedah. Kajian Noor Huda Adin (2000) dan Julan Rumunsal (2000) juga mendapati bahawa hubungan yang signifikan di antara kebahagiaan perkahwinan dengan komunikasi yang mana faktor komunikasi berkolerasi secara positif dengan kebahagiaan perkahwinan. Sebaliknya kajian Syarifah Rozana (2003) mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kebahagiaan perkahwinan dengan komunikasi.

Komunikasi lisan (*verbal*) dan komunikasi tanpa lisan (*non verbal*) adalah antara dua bentuk komunikasi yang perlu dikuasai oleh ibu bapa dalam usaha mengenali keperibadian anak-anak. Komunikasi lisan adalah proses menyampaikan atau menyebarkan mesej yang lazimnya dikaitkan dengan pertuturan, manakala komunikasi tanpa lisan ialah segala perilaku atau *signal* selain daripada perkataan atau tulisan yang wujud semasa proses komunikasi sedang berlangsung. Segala mesej tidak dikodkan dengan perkataan tetapi disampaikan melalui pergerakan badan (*body language*) dan tangan (*gesture*), nada suara, riak air muka, cara berpakaian dan penggunaan ruang dan waktu (Zulkiple abd Ghani, 2001).

RASIONAL FUNGSI KOMUNIKASI

Komunikasi merupakan satu faktor yang menentukan kebahagiaan manusia, komunikasi juga faktor paling penting untuk menjalinkan hubungan yang rapat dengan seorang manusia lain. Hubungan rapat atau intim boleh didapati melalui proses jatuh cinta dan perkahwinan. Cinta dan perkahwinan membuat dua orang yang pada asalnya asing antara satu sama lain menjadi sangat rapat dan intim. Dalam keadaan begitu, manusia dapat memenuhi pelbagai keperluan jasmani dan rohani mereka, serta menikmati kebahagiaan. Walaupun wang, kerjaya dan seks boleh membuat manusia bahagia, tetapi faktor hubungan rapat dan intim dengan seorang manusia lain adalah jauh lebih besar peranannya dalam kebahagiaan ataupun penderitaan jiwa manusia. Maka oleh itu ramai orang yang kaya raya ataupun yang mempunyai kerjaya yang baik masih tidak mengecapi apa yang dikatakan jiwa yang bahagia. Sebaliknya ramai orang yang hidup sederhana, malah kadang-kadang miskin dapat mengecapi kebahagiaan dalam serba kekurangan.

Komunikasi dalam keluarga bermakna perhubungan dua hala (memberi dan menerima) secara lisan dan bukan lisan. Komunikasi bukan lisan melibatkan gerak-geri, air muka, pandangan mata, dan cara memandang. Keluarga yang sihat akan menerima dan cuba memahami mesej yang disampaikan sama ada kabur atau jelas, antara satu sama lain. Berbeza dengan keluarga yang tidak berfungsi, mesej yang disampaikan jarang diterima secara betul, bahkan tidak diambil kisah atau dipedulikan (Lily Mastura dan Ramlah Hamzah 2007).

Manakala menurut Brock dan Bernard, (1992) mereka telah menggariskan ciri-ciri optimum situasi berkomunikasi dalam keluarga. Mereka menyatakan bahawa cara komunikasi yang terbaik dalam keluarga mestilah dan melibatkan rasa ingin mendengar dan berkongsi. Mesej yang disampaikan juga harus jelas dan sesuai. Apabila terdapat pencanggahan pendapat, keluarga itu akan menerima persetujuan untuk berbincang. Keluarga sihat menjurus ke arah penyelesaian masalah dengan cara yang positif iaitu memfokuskan bagaimana masalah yang dihadapi dapat diselesaikan bukan dengan cara mencari siapa yang bersalah.

Tidak semua percintaan dan perkahwinan berjaya menjalinkan hubungan yang sangat rapat dan intim antara suami dan isteri. Ramai pasangan yang melaporkan mereka hidup dalam

keadaan renggang dengan pasangan masing-masing meskipun mereka tidak bercerai. Oleh kerana hubungan yang rapat dan intim dengan pasangan yang dicintai adalah tersangat penting dalam kebahagiaan perkahwinan, sebarang usaha untuk meningkatkan keupayaan kita mencipta hubungan rapat dan intim yang berkekalan adalah sangat besar faedahnya kepada kebahagiaan sebuah keluarga.

Fungsi komunikasi yang pertama ialah hubungan yang rapat intim adalah amat penting kepada kebahagiaan dan kesejahteraan jiwa manusia. Seseorang individu memerlukan pasangan yang rapat dan intim seperti seseorang yang dapat berkomunikasi dengannya ialah supaya dapat menghilangkan rasa kesepian dan kesunyian yang dialami jikalau mereka tidak memiliki seseorang. Ini tidak bermakna apabila seseorang individu itu berkahwin mereka tidak akan mengalami rasa sepi dan sunyi. Kesepian dan kesunyian boleh muncul pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Ada kalanya individu itu berasa sunyi dan sepi meskipun mereka berada di dalam rumah sendiri dan dikelilingi oleh isteri atau suami atau anak-anak. Oleh yang demikian untuk menjadi kekasih atau suami atau anak-anak yang sangat dicintai, seseorang itu perlu mempunyai kemahiran menghilangkan rasa sepi dan sunyi orang yang kita cintai.

Perkara kedua dalam fungsi komunikasi keluarga yang baik adalah rangsangan. Sebagai manusia setiap individu memerlukan pasangan dalam hidup kerana mereka memerlukan rangsangan begitu juga anak-anak memerlukan ibu dan ayah sebagai rangsangan kepada mereka. Manusia memerlukan rangsangan fizikal seperti sentuhan, belaian kasih sayang daripada orang yang rapat dengan diri mereka. Kemahiran berkomunikasi seperti berbual-bual, memuji, menghibur dan bergurau adalah sangat perlu untuk memberi rangsangan emosi kepada orang yang dicintai. Manusia juga memerlukan rangsangan daya intelek. Oleh itu sebagai pasangan suami isteri mereka hendaklah sentiasa menambahkan ilmu agar setaraf dengan pasangan masing-masing. Begitu uga dengan ibu bapa, mereka perlu mempunyai pengetahuan berhubung minat dan keperluan anak-anak yang sentiasa berkembang.

Self-esteem atau estim diri pula merupakan fungsi komunikasi yang ketiga. Estim diri menerangkan bahawa manusia memerlukan kehadiran orang lain yang rapat dalam hidup mereka. Ini kerana manusia memerlukan kemuliaan dan penghargaan. Dengan kehadiran orang yang rapat, individu sudah cukup merasa dirinya diperlukan, dihargai dan penting kepada orang lain. Perasaan itu adalah merupakan asas kepada estim diri yang sihat. Untuk menjadi pasangan, ibu, ayah dan anak-anak yang dicintai, individu itu memerlukan kemahiran membuat orang yang dicintai yakin diri mereka diperlukan, dihargai dan dimuliakan. Kemahiran yang digunakan ialah kemahiran mengucapkan kata-kata pengiktirafan, penghargaan, sanjungan dan puji-pujian. Di kalangan orang Asia amnya, dan orang melayu khasnya, kemahiran ini jauh lebih memuaskan.

Fungsi komunikasi yang keempat adalah perkongsian. Sebagai manusia biasa individu perlu menambahkan lagi rasa kenikmatan yang dialami dalam hidup dan mengurangkan rasa kesengsaraan. Untuk menjadi pasangan atau ahli keluarga yang dicintai kita juga memerlukan kemahiran membantu pasangan serta ahli keluarga mengecap rasa nikmat yang lebih tinggi lagi daripada apa yang mereka rasai. Individu itu juga ingin berkongsi dengan orang lain segala tuah dan nasib baik yang diperolehi. Begitu juga halnya dengan nasib malang dan kedukaan yang menimpa individu tersebut. Seseorang akan dapat berkongsi segala duka yang dialami, apabila mereka mempunyai individu lain yang rapat dan intim dengan mereka.

Individu mula tertarik, berkenalan, jatuh cinta dan seterusnya mendirikan rumah tangga kerana didorong oleh keempat-empat keperluan itu. Seseorang individu dalam keluarga itu mempunyai pengharapan agar setiap anggota keluarga memenuhi keperluan jiwa yang begitu mendalam.

Contoh Kes Akibat Kurangnya Komunikasi dalam Keluarga

Kes 1

Wong (bukan nama sebenar) merupakan seorang pelajar perempuan berumur 13 tahun, anak ke 5 (anak Bongsu) dalam keluarga. Wong tinggal di sebuah pekan di pinggir bandar.

Jarak rumah Wong ialah 2km dari sekolah dan 8km dari pekan Kluang. Wong belajar di tingkatan 1 dan pernah mengikuti tingkatan peralihan disebabkan gagal dalam Bahasa Melayu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

Bapa klien ialah seorang pemborong dan jarang berada di rumah. Ibunya seorang suri rumah tangga. Pendapatan bulanan bapanya lebih kurang RM 1000 - RM 1500. Keempat-empat abang dan kakaknya sudah bekerja di luar kawasan dan jarang balik ke kampung. Walaupun begitu, dia disayangi oleh abang dan kakaknya dan selalu menerima duit daripada mereka.

Klien ini dikenal pasti mengalami kecelaruan identiti. Pertama ianya dikenal pasti melalui guru kelasnya bahawa prestasi pelajarannya telah merosot dan beliau bersikap murung. Klien suka bersendirian dan tidak suka bergaul dengan kawan-kawan setingkatannya.

Klien juga mula menunjukkan masalah disiplin seperti ponteng sekolah, tidak mengikut arahan guru dan suka bertengkar dengan pelajar lelaki. Klien suka menggunakan '*defense mechanism*' (helah bela diri) seperti penyangkalan dan rasionalisasi untuk menafikan sesuatu kenyataan. Klien tidak pandai mengawal desakan nalurinya di mana apa yang dikehendakinya pasti akan dituntut biar apa cara sekalipun. Kerisauan yang ditunjukkannya lebih kepada kerisauan neurotik iaitu kerisauan yang timbul dari rasa bimbang yang tidak dapat dikawal sehingga dia melakukan sesuatu di luar kawalannya.

Dalam keluarga, ayahnya sering bekerja diluar dan jarang mengambil berat terhadap klien sementara ibu klien juga jarang mengambil tahu keadaan klien. Komunikasi antara klien dan ibu bapanya sangat kurang. Klien lebih suka bersendirian di dalam biliknya sejurus pulang dari sekolah. Hanya abang yang sulung mengambil berat terhadap kehidupan klien tetapi pergaulan mereka hanya melalui hubungan telefon sahaja. Klien berasa sunyi apabila berada di rumah. Klien berasa dirinya dipinggirkan dan tidak menerima kasih sayang walaupun keperluan kebendaannya telah mencukupi.

Semasa ponteng sekolah, klien telah mengenali sekumpulan pelajar perempuan yang bersifat *tomboy* dan homoseksual di luar sekolah. Klien mula bergaul dengan mereka, berpakaian serupa dengan mereka, berkelakuan seperti mereka dan mempunyai '*belief system*' tersendiri. Klien mempunyai tema pemikiran yang tidak rasional seperti 'gangguan watak', 'kecelaruan seks' dan '*self-rating*' yang negatif.

Keadaan ini berlaku apabila ibu bapanya tidak ada kemahiran atau tidak selalu berbual dan berkongsi masalah dengan anak-anak. Anak-anak akan mencari hiburan di luar bagi menampung kesunyian yang ada dalam diri.

Kes 2

Aliyah (bukan nama sebenar) berumur 14 tahun, sering melakukan perkara yang melanggar disiplin sekolah, Aliyah juga suka ponteng sekolah dan bercampur dengan rakan-rakan yang nakal. Pada umur 14 tahun, Aliyah juga merokok dan memberitahu guru dia merokok kerana inginkan keseronokan bersama kawan-kawan. Di sebalik keadaan Aliyah yang begini sebenarnya dia tertekan dengan kehidupan yang dilaluinya. Walaupun wang ringgit diberikan oleh ayah dan ibu, tetapi dia merasakan tiada kasih sayang yang dapat menggambarkan bahawa kedua orang tuanya menyayangi dirinya. Selain itu Aliyah sering bergaduh dengan adik-beradiknya seolah-oleh tiada perasaan sayang antara mereka. Aliyah memberitahu kaunselor bahawa dia cemburu melihat kawan-kawan dipeluk dan diberikan kasih sayang oleh ayah dan ibu. Aliyah juga kerap ke rumah kawan untuk mendapat kasih sayang daripada ibu rakan yang memahami dirinya. Faktor kesibukan kerja ayah dan ibu Aliyah ini sebenarnya yang menyumbang kepada tekanan anak-anak sehingga menyebabkan mereka seringkali bertingkah laku buruk di luar rumah dan di sekolah. Komunikasi yang baik dan hubungan yang mesra tidak wujud dalam kehidupan Aliyah bersama ibu, ayah dan adik beradiknya yang lain.

Bentuk Komunikasi Positif

Salah satu ciri komunikasi yang berkesan adalah sikap terbuka. Ada tiga aspek pada sikap terbuka. Pertama, orang yang mempunyai sikap terbuka adalah orang yang bersedia

memberitahu maklumat berkenaan dirinya kepada orang lain. Setiap individu berkomunikasi secara berkesan dengan orang lain apabila mereka tahu sedikit sebanyak beberapa maklumat penting berkenaan siapa dirinya.

Maklumat berkenaan diri yang penting dan perlu diketahui oleh orang yang berkomunikasi dengannya termasuklah maklumat berkenaan latar belakang diri, maklumat berkenaan nilai-nilai yang menjadi pegangan hidup, maklumat berkenaan perkara-perkara yang ada dalam fikiran termasuk perkara-perkara yang dirancang oleh seseorang individu itu dan maklumat berkenaan perasaan.

Sebilangan orang tidak mahu bercakap berkenaan diri mereka sendiri sehingga orang-orang yang berada di sekeliling mereka tidak mempunyai maklumat yang diperlukan sebelum dapat memahami mereka. Ramai isteri mengadu suami mereka sudah tidak lagi suka bercakap dan berbual-bual dengan mereka sehingga mereka tidak tahu lagi apa sebenarnya ada dalam kepala suami masing-masing.

Perbuatan tidak suka memberitahu maklumat tentang diri kepada orang-orang yang penting di dalam hidup adalah perbuatan yang menyusahkan diri sendiri dan diri mereka. Ia menyebabkan kita tidak dapat menjalin hubungan yang berkesan, kerana orang lain tidak dapat mengagak apakah peranan yang dapat mereka mainkan untuk kebaikan diri kita. Mereka tidak tahu keperluan-keperluan termasuk keperluan jiwa kita.

Kedua, sikap yang terbuka menghendaki supaya individu itu mengamalkan komunikasi yang jujur. Maksudnya, apa yang ada dalam fikiran dan hati kita, itulah yang seharusnya diucapkan secara telus. Kalau dalam hati kita tidak setuju dengan sesuatu perkara itu maka itulah yang harus diucapkan. Kalau dalam hati menyatakan tidak setuju dengan sesuatu perkara itu maka itulah yang harus diucapkan. Ramai orang tidak tahu bagaimana hendak berkata 'tidak mahu' kerana takut apa yang akan dikatakan oleh orang lain. Mereka juga tidak sampai hati menghampakan orang atau mengecilkan hatinya. Bercakap dari hati ialah perbuatan bercakap dengan jujur.

Ketiga, komunikasi sikap terbuka mengkehendaki supaya individu dalam keluarga bertanggungjawab atas apa yang kita fikirkan dan rasakan. Ertinya setiap individu mesti mengaku apa yang ada di dalam kepala adalah hasil apa yang sendiri fikirkan bukan kehendak orang lain. Begitu juga dengan apa yang ada dalam hati adalah hasil apa yang kita sendiri rasakan bukan kehendak orang lain. Oeh yang demikian, fikiran dan perasaan adalah tanggungjawab kita, bukan tanggungjawab orang lain. Kita boleh memikirkan bahawa rakan atau pasangan tidak membawa kita bersama kerana tiada wang untuk membeli tiket penerbangan. Kita juga boleh memikirkan rakan atau pasangan hanya pergi semalaman sahaja kerana dia mesti pulang esok harinya. Kita juga boleh memilih untuk tidak berasa kecil hati atau marah, sebaliknya kasihan dengannya yang penat kerana begitu sibuk.

Komunikasi yang berfokus kepada 'saya' adalah komunikasi yang objektif kerana ia menceritakan bagaimana perkara-perkara yang terjadi telah menyebabkan kita berfikiran begitu atau begini. Jadi ayat-ayat 'saya' mengatakan apa yang kita fikirkan dan rasakan adalah akibat perkara-perkara yang terjadi bukan hasil perbuatan orang lain. Dalam erti kata lain, ayat-ayat 'saya' tidak menuduh mana-mana pihak bertanggungjawab ke atas fikiran dan perasaan kita.

Iklm Komunikasi Yang Positif

Kajian pakar psikologi menunjukkan bahawa perkahwinan suami isteri yang mempunyai nilai *homofili* adalah lebih bahagia daripada perkahwinan mereka yang bertentangan nilainya. Pasangan suami isteri yang serupa nilai juga menikmati iklim komunikasi yang lebih positif. Mereka banyak berbual-bual, saling puji memuji serta banyak berkongsi pendapat dan fikiran.

Menurut pakar, kebahagiaan perkahwinan lebih dipengaruhi oleh nilai daripada faktor-faktor lain seperti rupa paras, bakat, kepintaran, harta dan lain-lain faktor peribadi. Nilai adalah menentukan sikap. Umpamanya, orang yang mempunyai nilai tinggi terhadap pendidikan menunjukkan sikap yang berbeza terhadap wang dan buku. Jadi dia sanggup membelanjakan wang yang banyak untuk membeli dan membaca buku.

Dalam keadaan apa sekalipun, sikap menjaga kepercayaan orang-orang lain pada diri kita adalah sangat penting. Walau dalam berkonflik sekalipun, kepercayaan pasangan atau ahli keluarga haruslah dijaga, apatah lagi semasa dalam proses berunding untuk menyelesaikan konflik. Prinsip ini sukar diyakini oleh orang-orang yang terlibat dalam konflik. Dalam sebarang perhubungan dengan orang lain terutama ahli keluarga sendiri, setiap individu mengharapkan orang yang penting dalam hidupnya dapat memberi apa-apa yang baik. Mereka dapat mendorong diri bagi mencapai dan menikmati pelbagai kebaikan, dan tidak menyebabkan mereka mengalami perkara-perkara yang buruk. Itulah sebabnya apabila sebahagian daripada kita merasakan kepercayaan tetap penting dan ianya perlu dijaga walau dalam apa jua strategi yang digunakan.

Dalam sebarang hubungan kekeluargaan dan hubungan dengan orang lain kita sebagai seorang individu mengharapkan orang lain itu dapat memberi apa-apa yang baik kepada kita, dapat mendorong kita mencapai dan menikmati pelbagai kebaikan dan tidak menyebabkan kita mengalami perkara-perkara yang buruk. Itulah sebabnya apabila kita bercakap berkenaan kepercayaan, sebenarnya kita bercakap mengenai akibatnya. Apabila kita meramalkan orang itu akan menyebabkan kita menerima akibat buruk, kita tidak akan menaruh kepercayaan kepadanya.

Dalam kehidupan ini, kita sentiasa mencari peluang-peluang menjalin perhubungan dengan orang-orang yang dapat memberi lebih banyak kebaikan daripada keburukan, dan mereka membolehkan kita menikmati lebih banyak keuntungan daripada kerugian. Apabila kita mengharapkan kebaikan tetapi tiba-tiba diperolehi ialah keburukan, maka seseorang akan bertindak balas dan cuba menyiasat sama ada orang itu bertanggungjawab ke atas apa yang berlaku kepadanya. Jika benar, kepercayaan kepadanya akan turun atau hilang sama sekali. Dalam setiap perhubungan seperti perkahwinan, persahabatan, perkongsiaan perniagaan dan lain-lain, kepercayaan perlu dibina. Seseorang akan menaruh kepercayaan kepada orang lain apabila mereka menaruh harapan bahawa individu tersebut akan membawa banyak kebaikan dan keuntungan kepada dirinya.

Seseorang boleh menaruh kepercayaan kepada individu apabila perkara-perkara yang akan dilakukan olehnya dapat diramalkan. Individu yang tingkah lakunya tidak dapat diramalkan seharusnya tidaklah boleh dipercayai oleh sesiapa. Jadi perubahan tingkahlaku yang berlaku di luar jangkaan dan yang berlaku secara tiba-tiba boleh menyebabkan perasaan hilang kepercayaan kerana kejadian yang berlaku tidak diramalkan. Ini merupakan salah satu sebab mengapa seseorang tidak boleh menaruh kepercayaan kepada orang-orang yang sikapnya suka bersaing dan suka menang. Ini kerana, mereka akan melakukan perkara-perkara yang tidak dapat kita ramalkan. Tujuan mereka adalah dengan cara itu mereka dapat mengalahkan kita. Tetapi dengan berbuat begitu juga kita hilang kepercayaan kepada mereka.

Etika Komunikasi Dalam Keluarga

Dengan mengamalkan etika dalam berkomunikasi seseorang individu akan dapat memelihara hubungan kekeluargaan mereka, amalan etika ini mampu memberi kesan yang positif terhadap diri seseorang individu untuk mengekalkan kesejahteraan hidup. Di antara etika komunikasi tersebut ialah:

- i. Pertama, seseorang individu dengan jujur seharusnya menceritakan perasaannya. Sekiranya tersinggung hendaklah mengatakan bahawa diri itu tersinggung. Seseorang yang tidak jujur akan perasaannya seumpama tidak bertanggungjawab atas perasaan sendiri. Ia akan menyebabkan hubungan menjadi tegang dan komunikasi menjadi negatif.
- ii. Kedua, perlunya komunikasi yang mementingkan kepentingan dan tujuan bersama dan tidak mementingkan tujuan peribadi. Dalam situasi ini tidak boleh bercakap kerana hendak memperjuangkan perasaan diri sendiri sahaja.
- iii. Ketiga, semasa berkomunikasi etika yang perlu dijaga ialah dengan memberi maklumat secara tepat. Tidak boleh memberi maklumat palsu.

- iv. Empat tidak boleh sekali-kali mempunyai niat hendak menipu dan memperdaya orang lain sewaktu sedang berinteraksi.
- v. Kelima untuk menjaga keharmonian sebuah keluarga setiap individu perlu mengelakkan diri dari terus mengumpat dan bergosip. Keadaan ini akan meruntuhkan lagi keteguhan kekeluargaan. Sekiranya terdapat individu yang berbuat demikian, individu yang mendengar tidak perlu masuk campur dan adalah lebih baik mendorong mereka yang bergosip berhenti dengan baik tanpa menyinggung perasaan.
- vi. Etika yang keenam ialah apa yang diperkatakan hendaklah selari dengan gerak geri. Contohnya kalau mulut berkata 'Tidak' maka kepala juga harus menggeleng tidak.
- vii. Ketujuh dalam etika berkomunikasi ialah tidak boleh menyampuk dan memotong cakap kepada individu yang sedang bercakap. Biarkan mereka bercakap sehingga akhir sebelum diri mengambil giliran untuk bercakap.
- viii. Kelapan, perkara yang perlu diambil perhatian ialah apabila seseorang individu sedang bercakap berkenaan sesuatu perkara, tidak wajar bagi individu yang lain menyebut perkara-perkara lain yang tidak ada kaitan dengan apa yang disebutkan.
- ix. Kesembilan tidak dibenarkan berbuat apa-apa yang mengganggu individu lain daripada bercakap dan mendengar dengan tenang. Contohnya tidak dibenarkan mengacau kopi kuat-kuat dan mengetuk-ngetuk meja dengan pen.
- x. Kesepuluh tidak dibenarkan bercakap berkenaan perkara-perkara yang negatif. Perkara negatif yang diperkatakan hanya akan mengeruhkan atau membuat komunikasi yang sedang berlangsung itu menjadi hambar dan tidak ada keintiman yang boleh berlaku dari seorang individu kepada individu yang lain.
- xi. Kesebelas etika yang perlu dilakukan oleh seseorang individu apabila sedang berkomunikasi atau berinteraksi dengan orang lain ialah dengan mengelakkan diri daripada suka merunggut dan mencari cacat cela.
- xii. Etika terakhir ialah apabila sedang berkomunikasi dengan orang lain, perkara yang paling penting untuk dilakukan ialah sentiasa memberi atau mengiktiraf dan menghargai orang yang sedang kita bercakap. Perkara ini juga sangat penting apabila berkomunikasi dengan ahli keluarga tidak kiralah sama ada antara suami dan isteri dan ibu bapa dan anak-anak mereka. Hubungan yang sentiasa ada pengiktirafan ini mudah untuk bermesra dan berguna dalam mengukuhkan ikatan kekeluargaan. Kerjasama juga akan lebih mudah dilakukan sekiranya etika ini dilaksanakan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya dalam perhubungan yang sihat, individu mengkehendaki bahawa mereka dapat meramalkan tingkah laku seseorang. Bukan itu sahaja individu juga mahu dikenali siapa dirinya yang sebenar. Ini kerana mereka hendak mengetahui keperluan-keperluan mereka dengan tujuan supaya boleh melakukan perkara-perkara yang baik demi matlamat bersama. Orang yang suka bersaing dan gemar untuk menang sendiri biasanya mereka sanggup melakukan perkara atau perbuatan seperti memutar belit orang lain, berdusta, mengugut dan mengancam. Mereka mungkin boleh menang dengan menggunakan cara-cara seperti itu, tetapi individu yang telah mengetahui hal keadaan itu tidak akan menaruh kepercayaan lagi kepada mereka, kerana taktik-taktik negatif seperti itu menyebabkan individu yang terkena sebelum ini tidak dapat meramalkan perbuatan-perbuatan yang akan mereka lakukan pada masa depan.

Keupayaan meramal tingkahlaku ahli keluarga tidak semestinya menjamin hubungan kerjasama yang erat di antara keluarga. Keupayaan melakukan sesuatu yang selaras dengan tingkah laku adalah penting untuk membina kepercayaan. Dalam sebarang bentuk perhubungan terutama dalam hubungan kekeluargaan, perbuatan tidak mahu mengambil tahu perasaan orang lain, atau tahu tetapi menganggap perasaan orang lain tidak penting merupakan perbuatan yang akan merosakkan kepercayaan orang lain. Dalam perhubungan yang sangat rapat, seperti dalam perkahwinan, soal kepercayaan sentiasa melibatkan perasaan-perasaan yang positif seperti rasa suka dan seronok kepada seseorang, rasa gembira dan tertarik pada satu sama lain.

RUJUKAN

Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2004). Psikologi asuhan Keluarga jilid 1. *Fungsi Komunikasi*. Kuala Lumpur.

Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2004). Seni Bercakap- cakap dan Berbual-bual. *Etika Komunikasi*. Kuala Lumpur.

Lily Mastura & Ramlan Hamzah.(2007). Asas Kaunseling Keluarga. *Corak Komunikasi Berkesan*. Universiti Teknologi Mara.

Saedah A. Ghani. Prosiding Seminar Kebangsaan ke 3 Psikologi dan Masyarakat. *Kebahagia perkahwinan, Kefahaman Komunikasi Dan Kematangan Emosi Dikalangan Suami Isteri Dipusat Kunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan*. UKM.

Salasiah Binti Hanin dan Helwa Binti Mohammad Zainal. Kemahiran keibubapaan: antara Keperluan Dan Cabaran dalam Menangani Masalah Gengsterisma. *Kemahiran komunikasi*. Fakulti Pengajian Islam UKM.

Zahbah & Mohd. Daud (2007). Himpunan Kajian Kes Kaunseling GBK Negeri Johor. *Kecelaruan Identiti*. Selangor